

SILAT UNDANGAN ANTARABANGSA

Surinam mahu anjurkan

27 AUG 1988

Harapan sokongan moral dan material dari anggota Persilat

Oleh MOHD SANI ALI

REPUBLIK Surinam telah menyuarakan hasra menjadi tuan rumah Kejohanan Undangan Pencak Silat Antarabangsa 1990.

Hasrat negara yang terletak di benua Amerika Selatan dan berjiran dengan Brazil dan Guyana itu telah disampaikan oleh ketua rombongannya, Randy Paul Van Zichew.

Randy, yang juga Presiden Persekutuan Pencak Silat Surinam, telah menyuarakan secara lisan dalam sidang agung Persekutuan Silat Antarabangsa di Hotel Royal, semalam.

Menurutnya, pencak silat yang merupakan salah satu daripada seni mempertahankan diri di negara itu, mempunyai pengikut yang ramai.

"Kami menjangka tidak kurang dari 10,000 peminat yang bergiat cergas dalam seni silat

di negara kami buat masa ini. Bagaimanapun, hanya satu pertiga atau suku yang bergabung dengan badan induk," jelas Randy.

Presiden pencak silat Surinam itu juga menegaskan, persatuannya merupakan pertubuhan yang bergabung di bawah naungan Majlis Sukan Olimpik Nasional negaranya.

"Oleh itu kami berusaha untuk meluaskan lagi minat silat ini bukan saja di kalangan penduduk dalam negeri, malah di negara-negara jiran," katanya.

Randy, yang beragama Islam, menjelaskan usaha mereka untuk menjadi pusat bagi mengembangkan seni silat ini akan bertambah cerah jika negaranya dipilih menjadi tuan rumah kejohanan akan datang.

Beliau menambah, misalnya di Brazil terdapat sejenis seni pertahanan diri yang mirip kepada pencak silat.

"Oleh itu, saya menjangka,

pasti tidak sukar bagi mereka menyerap kesenian pencak silat ini kerana mereka mempunyai asas tersebut."

Begitupun, beliau berharap agar anggota-anggota Persilat dapat memberikan sokongan, baik dari segi moral mahu pun material, untuk menjayakan hasrat mereka menganjurkan kejohanan di sana.

Jika Surinam terpilih menjadi tuan rumah kejohanan 1990, maka ini merupakan sejarah bagi seni silat.

Ini kerana ia adalah julung-julung kali kejohanan ini dianjurkan di benua tersebut.

Surinam, yang luasnya 163,256 kilometer persegi, mempunyai penduduk berjumlah hampir 400,000 orang.

Dari jumlah tersebut 20 peratus beragama Islam dan bahasa Jawa merupakan salah satu bahasa pertuturan di negara tersebut.



RANDY: Berusaha mempopularkan silat di negara-negara Amerika Selatan